



# SIARAN AKHBAR

## MAJLIS APRESIASI PEWAKAF

**Putrajaya, 9 Mei 2021** – Sempena Bulan Wakaf Kebangsaan tahun 2021 yang dilancarkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri pada 13 April 2021 yang lalu, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada hari ini telah menganjurkan Majlis Apresiasi Pewakaf di Hotel Pulse Grande, Putrajaya sebagai tanda menghargai para pewakaf, terutamanya bagi mereka yang berada di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Dengan tema 'Berwakaf Demi Kemakmuran Bersama', majlis ini dihadiri hampir 110 orang pewakaf yang mana kesemuanya merupakan pewakaf yang telah mewakafkan tunai kepada YWM sama ada melalui potongan gaji atau secara *one off*. Majlis turut diserikan dengan Bicara Wakaf bertajuk "*Untungnya Seorang Pewakaf*" yang disampaikan oleh Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan. Turut hadir, Tuan Haji Ruslan bin Said, Ketua Pengarah Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) yang juga merupakan Naib Pengerusi YWM dan Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif YWM.

Dalam usaha membudayakan amalan berwakaf di kalangan masyarakat, program bersama pewakaf ini dapat mengeratkan lagi hubungan pewakaf dengan YWM atau mana-mana pihak Majlis

Agama Islam Negeri (dalam konteks di Wilayah Persekutuan adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan) yang merupakan pihak bertanggungjawab menjaga dan menguruskan pewakafan mereka. Ini secara tidak langsung menjadikan pewakaf ini sebagai ejen hebahan mengenai wakaf kepada masyarakat.

Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif YWM berkata, *“bermula tahun 2009 sehingga 31 Disember 2020, kutipan wakaf tunai yang terkumpul di YWM adalah berjumlah RM19.6 juta dan daripada jumlah tersebut, sejumlah RM16 juta (bersamaan 82%) telahpun digunakan bagi tujuan-tujuan berikut:*

- 1. 65% agihan kepada Majlis Agama Islam Negeri sebagaimana diamanahkan oleh pewakaf;*
- 2. 25% digunakan bagi tujuan pembelian aset tak alih iaitu bangunan komersil di negeri Selangor dan Johor di mana sebahagian sewa yang diterima daripada bangunan ini akan digunakan bagi tujuan kebajikan;*
- 3. 7% digunakan bagi tujuan pembelian aset alih iaitu peralatan dan kelengkapan hospital kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan; dan*
- 4. 3% bagi tujuan wakaf khas.*

Tambahnya, *“YWM amat menghargai semua pewakaf dan merakamkan ucapan terima kasih di atas harta yang telah diwakafkan. Semoga harta yang diwakafkan, menjadi bekalan berharga di akhirat kelak”*.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Sistem Wakaf Tunai Malaysia YWM, terdapat seramai 20,965 pewakaf berdaftar dan daripada jumlah tersebut, seramai 1,165 pewakaf adalah daripada Wilayah Persekutuan Putrajaya. Daripada jumlah tersebut, seramai

758 orang pewakaf berwakaf secara konsisten melalui potongan gaji dengan jumlah terkumpul tertinggi berjumlah RM30,200.00 (bagi seorang pewakaf).

Kini, urusan pewakafan menjadi lebih mudah dengan adanya skim berwakaf secara potongan gaji sama ada untuk penjawat awam ataupun swasta. Berwakaf merupakan salah satu ibadah yang mulia dan dilaksanakan secara sukarela.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Cik Haidatul Azia binti Husin, Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat YWM di talian 019-3883395. Untuk maklumat mengenai wakaf atau untuk berwakaf, sila layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my).

**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**9 Mei 2021**